

Lebih £9.46 juta masuk akaun Najib

mls: 6

UM - 21/6/2022

Oleh ZAREEN HUMAIRAH
SEJAHAN


zareen.hs@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Seorang pegawai bank mendedahkan tujuh lagi transaksi pindahan dana bernilai ratusan juta dalam mata wang asing ke dalam akaun bank bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Pengurus Bahagian Unit SWIFT, AmBank (M) Berhad, Wedani Senen, 48, ketika membaca pernyataan saksinya menyatakan kesemua transaksi itu berlaku di antara 2013 hingga 2014.

Ketika membaca pernyataan saksinya, Wedani menjelaskan, wang berjumlah AS\$60,999,988 dipindahkan daripada Tanore Finance Corp melalui Falcon Private Bank Limited Singapore dan seterusnya dipindahkan ke Wells Fargo Bank N.A. (New York International Branch) sebelum dimasukkan ke akaun peribadi AmBank Najib.

Akaun bernombor 2112022011880 Ahli Parlimen Pekan itu diberikan kod nama



NAJIB TUN RAZAK

AmPrivate Banking-1MY turut menerima £750,000 daripada Blackrock Commodities (Global) Limited pada 23 Jun 2014.

Selain itu, akaun yang berakhir dengan nombor 880 itu menyatakan Wedani turut menerima wang daripada Vista Equity International Partners Ltd (Barbados) melalui lima transaksi iaitu £5,750,000 (19 Oktober 2014); £694,343.62 dan £2,216.01 (24 November 2014); £995,000.00 (5 Disember 2014) dan £1.26 juta (18 Disember

2014).

Apabila ditanya oleh pegawai yang mewakili Najib, Wan Aizuddin Wan Mohamed, bagaimana dia tahu itu merupakan akaun kepada Najib, Wedani berkata, dia hanya mengetahui selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan siasatan.

Saksi itu berkata demikian pada perbincangan kes bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang didakwa atas 25 pertuduhan menggunakan kedudukannya untuk memperolehi rasuah dan terlibat dalam perubahan wang haram memabitkan dana syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) berjumlah RM2.3 bilion.

Terdahulu, Muhammad Shafee pada sesi soal balas terhadap bekas Setiausaha Bahagian Pengurusan Pinjaman, Pasaran Kewangan dan Aktuari (BPKA) Kementerian Kewangan, Datuk Siti Zauyah Md. Desa mempertikaikan keterangan yang diberikan wanita itu berhubung Perkara 117 Memorandum dan Artikel Pertubuhan (M&A) 1MDB.